## NOTIS PEMBERITAHUAN : MELAKUKAN PENYENGGARAAN / PENGUJIAN RADAS PENYINARAN

1. Notis pemberitahuan ini berfungsi bagi menggantikan modul Kebenaran Melakukan Penyenggaraan/Pengujian Radas Penyinaran.

2. Notis ini tidak memerlukan sebarang pengesahan dari AELB.

3. Notis ini **perlu diisi sebelum syarikat membuat kerja-kerja penyenggaraan/pengujian**.

**4.** Ianya hanya melibatkan syarikat yang **mempunyai Lesen Kelas H (Penyenggaraan) - Khidmat Senggara Radas.**

5. Notis ini boleh dicapai di bahagian tab Maklumbalas & Kemaskini →Notis Pemberitahuan→ Penyenggaraan/Pengujian Radas Penyinaran.




6. Notis yang belum disahkan akan berstatus sebagai draf syarikat dan tidak dipaparkan di paparan AELB. Pihak syarikat perlu menandakan ruangan pengesahan bagi membolehkan maklumat notis pemberitahuan ini diterima oleh pihak AELB.



7. Langkah-langkah untuk notis pemberitahuan yang baru:

   a. Pilih Jenis Syarikat

      i. Berlesen Dengan AELB. Masukkan No Lesen dan Klik butang Cari. Klik Butang Seterusnya>> **ATAU**.







      ii. Tidak Berlesen Dengan AELB. Klik butang Cari. Masukkan Maklumat berkaitan dan klik butang Seterusnya>>.






b. Pilih radas penyinaran yang ingin disenggara/diuji.

i. Berlesen Dengan AELB: Masukkan no siri panel kawalan (wajib) dan no siri tiub. Klik butang Cari.

- **Radas berkenaan akan dipaparkan JIKA :**
  - **Dilesenkan kepada Syarikat Yang Akan Disenggara**
  - **Dimiliki oleh Syarikat Yang Akan Disenggara**
  - **Dilesenkan kepada Pemohon Untuk Khidmat Senggaraan**










ii. Tidak Berlesen Dengan AELB : Masukkan maklumat radas yang akan disenggara/diuji. Jika tiada sebarang maklumat radas diisi, butang Seterusnya>> tidak akan dipaparkan.






c. Pilih Pengendali Senggaraan yang terlibat

i. Berlesen Dengan AELB /Tidak Berlesen Dengan AELB

- * Sila pilih dan tandakan ☑ pada ruangan berkenaan dan tekan butang Simpan (pada setiap muka skrin yang berkenaan).
- * Pekerja yang dipilih akan dipaparkan pada ruangan di bawah.




Tandakan ruangan Pilih dan klik butang Pilih




Klik butang Seterusnya>>

d. Syarikat membuat Pengesahan maklumat. Masukkan tarikh penyenggaraan/pengujian yang akan dijalankan, catatan (jika perlu) dan pengesahan. Jika syarikat tidak buat pengesahan, maklumat akan masuk ke draf notis dan masih boleh dikemaskini.




Ruang pengesahan

8. Maklumat yang berstatus draf boleh dikemaskini atau dihapus. Setelah maklumat disahkan oleh syarikat, maklumat ini tidak boleh dikemaskini dan hanya boleh dilihat sebagai paparan.




Klik untuk hapus draf




Klik pengesahan dan butang Kemaskini untuk pembatalan draf (bagi tujuan hapus rekod)